



24 JUL, 2022

## MAHA 2022 platform pameran teknologi terkini bidang pertanian

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### MAHA 2022 platform pameran teknologi terkini bidang pertanian

**JOHOR BAHRU** - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada Ogos ini yang akan diadakan secara hibrid bakal menjadi platform untuk mempamerkan perkembangan teknologi terkini dalam bidang pertanian dan makanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, program pada 4 hingga 14 Ogos di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Selangor itu bakal menampilkan 22 segmen meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantaian nilai agromakanan.

"MAHA 2022 akan mempamerkan beberapa tarikan baharu iaitu teknolo-

gi dan segmen menarik termasuk pertanian, perikanan, ternakan, florikultur, agrotourism berasaskan tani dan agrokulinari supaya dapat menarik lebih ramai golongan muda.

"Kita telah membuat pelbagai perediaan dengan menjangkakan seramai 100,000 pengunjung setiap hari akan datang ke program yang diadakan selama 11 hari itu," katanya dalam sidang media selepas merasmikan program Road To MAHA 2022 Zon Selatan di sini pada Sabtu.

Turut hadir, Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip dan Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Ahmad berkata, antara teknologi yang bakal dipamerkan pada MAHA 2022 dengan bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan' itu termasuk *food-scaping* melibatkan gabungan tanaman boleh dimakan dan herba.

"Walaupun jumlah pengunjung yang disasarkan dalam MAHA 2022 ini kurang berbanding MAHA 2018 iaitu seramai 1.1 juta pengunjung berbanding 3.3 juta pengunjung, namun sasaran jualan adalah lebih tinggi iaitu RM250 juta berbanding RM215 juta," jelasnya.

Beliau berkata, terdapat 13 *pavilion* yang akan menampilkan ciri-ciri keunikan negeri-negeri di Malaysia dan sekurangnya 1,500 ruang pameran serta jualan disediakan pada MAHA 2022 itu.

Sementara itu, Dr Sahrudin dalam ucapannya berkata, Road To MAHA 2022 Zon Selatan bermula Jumaat hingga hari ini menyediakan 14 ruai usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) termasuk Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

"Setiap produk jualan merupakan hasil pengusahaan peladang sendiri. Semoga program ini dapat mengukuhkan pasaran domestik, sekali gus memperkasakan pengeluaran dan usahawan agromakanan mikro, kecil dan sederhana yang mendominasi industri untuk terus berdaya saing," katanya.

- *Bernama*



24 JUL, 2022

## MAHA 2022 platform pameran teknologi terkini bidang pertanian

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

JOHOR BAHRU - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada Ogos ini yang akan diadakan secara hibrid bakal menjadi platform untuk mempamerkan perkembangan teknologi terkini dalam bidang pertanian dan makanan negara. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, program pada 4 hingga 14 Ogos di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Selangor itu bakal menampilkan 22 segmen meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantaian nilai agromakanan.